



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Utusan Malaysia, 21 March 2007

Bina Puri Buka Pejabat serantau di Bangkok

Kuala Lumpur 20 Mac - Bina Puri Holdings Bhd., syarikat hartanah tempatan telah membuka pejabat baru bagi rantau ini, di Bangkok.

Menurut kenyataan syarikat itu yang dikeluarkan di sini, pembukaan pejabat baru itu semalam, bertujuan memudahkan usaha meluaskan aktiviti anak syarikatnya, Bina Puri (Thailand) Ltd.

Majlis perasmian pejabat itu disempurnakan oleh Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Shaarani Ibrahim. Turut hadir menyaksikan upacara itu ialah Pengerusi Eksekutif Bina Puri, Datuk Mohamed Feisal Ibrahim dan Pengarah Urusannya, Tan Sri Tee Hock Seng.

Sementara itu, Mohamed Feisal berkata, Bina Puri (Thailand) Ltd. Memperoleh tugas untuk membina 1,800 unit rumah kos rendah dan sebuah project kondominium di Thailand, melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1.4 bilion.

Katanya, projek rumah kos rendah itu berharga RM54juta yang merupakan projek kesembilan di Thailand. Sebelum ini, Bina Puri (Thailand) Ltd. dberi kontrak membina 30,000 unit rumah kos rendah bernilai RM1.306 bilion.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my